

Kata Sapaan Kekeluargaan dalam Komunikasi Lisan Masyarakat Melayu di Jitra, Kedah

Kinship Terms of Address in Spoken Communication within the Malay Community of Jitra, Kedah

Nur Ain Farzana Shafari, Nur Shafina Hasanali & Muhammad Zaid Daud*

Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia

Submitted: 16/3/2026. Revised edition: 21/6/2026. Accepted:21/6/2026. Published online: 29/6/2026

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti penggunaan kata sapaan dalam komunikasi masyarakat Melayu di Jitra, Kedah dan menganalisis penggunaan kata sapaan dalam komunikasi masyarakat Melayu di Jitra, Kedah berdasarkan teori sapaan Ervin-Tripp (1986). Pengkaji telah menggunakan tiga jenis peraturan penggunaan kata sapaan yang telah dijelaskan oleh Ervin Tripp iaitu peraturan alternasi, peraturan kejadian bersama dan peraturan perurutan. Walau bagaimanapun, kajian ini memfokuskan Peraturan Alternasi untuk menganalisis kata sapaan kekeluargaan di Jitra, Kedah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah pemerhatian tidak turut serta dan kaedah temu bual separa berstruktur bagi mendapatkan data. Pengkaji telah menemu bual enam informan untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan kata sapaan kekeluargaan. Data bagi kajian ini telah ditumpukan pada lokasi terperinci iaitu di Kampung Bemban. Kajian ini mendapati kata sapaan kekeluargaan dalam masyarakat Melayu Jitra, Kedah masih digunakan. Menurut informan, mereka masih menggunakan kata sapaan seperti *cek*, *adik*, *pakcik*, *makcik*, *maklong*, *makngah* dan sebagainya untuk menyapa ahli keluarga yang lain. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kata sapaan kekeluargaan yang telah mengalami peluasan penggunaan untuk menyapa orang yang tidak mempunyai pertalian darah. Melalui analisis teori Ervin-Tripp (1986), kajian ini membuktikan bahawa penggunaan kata sapaan kekeluargaan di Jitra, Kedah adalah berdasarkan faktor usia dan pangkat seseorang dalam hubungan kekeluargaan. Kajian ini juga telah membuktikan bahawa kata sapaan kekeluargaan *cek* dan peluasan penggunaan kata sapaan kekeluargaan *maklong* dan *paklong* untuk merujuk orang luar adalah yang paling signifikan.

Kata kunci: Kata sapaan, kekeluargaan, sosiopragmatik, Teori Ervin-Tripp (1986)

ABSTRACT

The study was conducted with the objective of identifying the use of address terms in the communication of the Malay community in Jitra, Kedah and analyzing these terms based on Ervin-Tripp's (1986) Theory of Address. The researcher utilized three types of rules for address term usage as explained by Ervin-Tripp: alternation rules, co-occurrence rules and sequencing rules. However, this study specifically focuses on Alternation Rules to analyze kinship address terms in Jitra, Kedah. The study employed a qualitative approach, utilizing non-participant observation and semi-structured interviews to gather data. The researcher interviewed six informants to obtain information regarding kinship address terms. The data for this study focused on a specific location which is namely Kampung Bemban. The findings indicate that kinship address terms are still actively used within the Malay community of Jitra, Kedah. According to the informants, they continue to use terms such as *cek*, *adik*, *pakcik*, *makcik*, *maklong*, *makngah* and

*Correspondence to: Muhammad Zaid Daud (email: zaid.daud@usm.my)

other words to address family members. However, several kinship terms have undergone an expansion in usage to address individuals who do not share blood relations. Through the analysis of Ervin-Tripp's (1986) theory, this study proves that the use of kinship address terms in Jitra, Kedah is based on factors of age and an individual's rank within the family hierarchy. The study also demonstrates that the kinship term *cek* and the expanded use of the terms *maklong* and *paklong* to refer to outsiders are the most significant findings.

Keywords: Kinship terms, family, Ervin-Tripp (1986) theory, sociopragmatics

1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sosiolinguistik merupakan salah satu cabang kajian dalam linguistik yang berkaitan hubungan bahasa dengan masyarakat. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), sosiolinguistik adalah kajian hubungan bahasa dengan struktur dan sikap masyarakat. Wardhaugh (2010) mendefinisikan sosiolinguistik sebagai kajian yang mengaitkan hubungan bahasa dengan masyarakat iaitu mengkaji cara sesuatu bahasa itu digunakan dalam konteks masyarakat dan memenuhi kegunaan masyarakat. Kajian sosiolinguistik terbahagi kepada beberapa cabang seperti kajian variasi, sosiologi bahasa, etnografi komunikasi dan analisis perbualan dan pragmatik sosial.

Berdasarkan pada bidang sosiolinguistik yang sangat luas, sosiopragmatik merupakan suatu bidang khusus yang mampu menghubungkan bahasa dengan aspek sosial masyarakat berkaitan dengan kata sapaan dalam kekeluargaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, sosiopragmatik merupakan gabungan pragmatik dan sosiologi yang mengutamakan nilai dan budaya dalam komunikasi masyarakat. Sosiopragmatik akan mendedahkan sebab dan faktor sesuatu kata sapaan kekeluargaan digunakan dalam komunikasi berdasarkan pada pemahaman dan kedudukan sosial seseorang itu dalam keluarga dan masyarakat (Leech, 1983).

Kata sapaan secara umumnya merupakan suatu panggilan yang digunakan oleh penutur untuk merujuk pendengar dalam interaksi. Menurut Holmes (2013), telah mendefinisikan kata sapaan sebagai cara seseorang merujuk sesama mereka termasuk kata ganti nama diri, gelaran, nama diri sendiri, gelaran kekeluargaan. Kata sapaan juga dapat dilihat dari sudut pragmatik iaitu sebagai tindakan tutur yang yang digunakan untuk menghubungkan dan mengekalkan sesuatu interaksi bersama pendengar untuk mengelakkan penutur melakukan sesuatu perbuatan yang akan menyebabkan air muka tercemar (Cruse, 2000). Jika dikaitkan dalam konteks bahasa Melayu, kata sapaan adalah suatu yang penting untuk dipraktikkan, Menurut Asmah Haji Omar (1993) telah menyatakan bahawa kata sapaan merupakan panggilan yang menjadi penanda hubungan sosial dalam budaya Melayu yang sangat mementingkan kesantunan dalam berbahasa. Kata sapaan dalam budaya Melayu terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu gelaran peribadi, gelaran warisan, gelaran kekeluargaan dan gelaran keagamaan (Asmah Haji Omar, 1993).

Kata sapaan kekeluargaan merupakan kata sapaan yang merujuk pada seseorang yang mempunyai hubungan pertalian darah, melalui perkahwinan dan keturunan. Menurut Heryanto (1988) menyatakan bahawa kata sapaan kekeluargaan yang digunakan dalam masyarakat melambangkan nilai sosial diri seseorang itu. Kata sapaan yang digunakan mampu menunjukkan rasa kehormatan dan jarak sosial yang terdapat dalam masyarakat apabila digunakan kepada ahli bukan keluarga. Sebagai contoh, penggunaan kata sapaan "Pak" merupakan panggilan mesra yang digunakan untuk menyantuni orang yang lebih tua dan mencipta keakraban sosial bersama individu tersebut. Kata sapaan juga memainkan peranan yang penting dalam sosial masyarakat. Chaika (1989) telah menjelaskan bahawa penggunaan kata sapaan mampu memperlihatkan status sosial seseorang dalam hierarki sosial masyarakat. Dalam konteks budaya Melayu juga kata sapaan kekeluargaan ini telah diperluaskan penggunaannya pada orang luar yang tiada hubungan darah dengan tujuan untuk menunjukkan hormat dan kemesraan panggilan. Antara contoh panggilan yang digunakan adalah 'Kakak', 'Abang', 'Mak Cik' dan seumpamanya. Hal ini dapat

disokong dengan penjelasan Asmah Haji Omar (1993) bahawa dalam budaya Melayu, kata sapaan tidak hanya terbatas pada orang yang mempunyai pertalian darah sahaja tetapi juga diperluaskan kepada orang yang tiada pertalian darah untuk menunjukkan rasa hormat pada mereka dengan mengiktiraf kedudukan mereka dalam hierarki sosial.

Secara dasarnya, komunikasi merupakan proses menyampaikan dan menerima sesuatu maklumat melalui seorang individu kepada individu yang lain dengan tujuan untuk mencapai kefahaman yang sama dan selaras. Menurut Rogers & Kincaid (1981), komunikasi merupakan suatu proses yang melibatkan peserta iaitu penutur dan pendengar berkongsi maklumat antara satu sama lain dan mencapai kefahaman bersama. Komunikasi lisan berlaku apabila seseorang itu bertutur dalam sesuatu bahasa. Menurut Hymes (1972) telah merangka sebuah kerangka iaitu Etnografi Komunikasi yang menegaskan bahawa sesuatu komunikasi lisan perlulah dikaji dari segi konteks sosial bagi memastikan pendengar memahami fungsi pertuturan tersebut. Gaya komunikasi lisan akan berbeza-beza mengikut pada individu dari segi jantina, usia dan sebagainya. Menurut Tannen (1990), perbezaan komunikasi antara lelaki dan perempuan mempunyai peranan penting dalam pembentukan sesebuah hubungan.

Pengkaji telah memilih kawasan Jitra, Kedah untuk menjalankan kajian mengenai kata sapaan kekeluargaan dalam komunikasi lisan masyarakat. Jitra merupakan sebuah bandar utama dan pesat di negeri Kedah yang terletak pada kedudukan strategik kira-kira 20 km utara dari Alor Setar. Masyarakat di Jitra, Kedah mempunyai komunikasi lisan yang sangat baik dan aktif dalam menggunakan kata sapaan kekeluargaan ketika berkomunikasi dengan ahli keluarga dan buka ahli keluarga. Jitra, Kedah juga merupakan lokasi kajian yang menarik kerana memiliki dinamik sosial moden dan dialek yang kukuh yang mempengaruhi penggunaan kata sapaan kekeluargaan dalam kalangan masyarakat.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Kajian-kajian berkaitan kata sapaan telah menggunakan pelbagai pendekatan berbeza tetapi masih bersifat deksriptif dan berdasarkan pada pemetaan dan faktor penggunaan. Kajian Yusoff dan Abdul Wahab (2021) telah memperlihatkan kata sapaan dan rujukan dalam kalangan masyarakat Banjar di Kerian, Perak melalui kaedah kualitatif iaitu menggunakan reka bentuk pemerhatian dan mengaplikasikan teori Ervin-Tripp (1986) dan mendapati bahawa kata sapaan terbahagi kepada tiga kategori iaitu kata ganti nama diri, kekeluargaan dan masyarakat. Kajian Kartini Abd.Wahab dan John (2021) menunjukkan kata sapaan dalam dialek Bundu dalam kalangan masyarakat Dusun yang menghuraikan faktor pemilihan kata sapaan iaitu dipengaruhi faktor umur, konteks sama ada formal atau tidak formal, status dalam sosial, pekerjaan dan jantina. Kajian Maslida Yusof *et al.* (2024) menggunakan pendekatan kuantitatif untuk meninjau pandangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terhadap penggunaan kata ganti nama dan kata panggilan bersesuaian dalam konteks akademik formal menunjukkan pelajar masih mengalami kekeliruan yang menjejaskan kesantunan berbahasa.

Kajian-kajian ini menunjukkan kata sapaan mempunyai kepelbagaian yang jelas mengikut komuniti tertentu, struktur sosial dan konteks penggunaan kata sapaan tersebut. Namun begitu, skop kajian kata sapaan masih belum diteliti mendalam dari aspek makna sosial, interaksi dan fungsi pragmatik dalam konteks kekeluargaan. Kajian yang dijalankan oleh Muhammad Suhaizi Suhaimi *et al.* (2024) memperlihatkan analisis kata sapaan melalui teori Ervin-Tripp (1986) melalui pengelasan bentuk. Walau bagaimanapun, kajian ini belum memadai dalam aspek sosiopragmatik yang menggunakan kata sapaan dalam interaksi harian.

Oleh yang demikian, kajian berkaitan dengan kata sapaan kekeluargaan terutamanya di Kedah masih berada pada tahap yang minimum dan belum diterokai secara meluas. Kelompondan kajian ini amat ketara memandangkan fokus kajian lepas lebih tertumpu kepada komuniti minoriti seperti masyarakat Banjar dan Orang Asli suku kaum Semai. Oleh itu, kajian sosiopragmatik di Jitra, Kedah ini dijalankan bagi

melengkapkan laras data sosiolinguistik sedia ada, sekali gus memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai variasi kata sapaan dalam konteks masyarakat Melayu utara. Oleh yang demikian, pengkaji telah memilih untuk melakukan kajian sosiopragmatik berkaitan dengan kata sapaan kekeluargaan bagi mengisi kelompondan tersebut.


3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan maklumat dan data bagi mencapai objektif kajian. Fokus utama kajian ini adalah penggunaan kata sapaan kekeluargaan dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, reka bentuk kajian etnografi telah dijadikan sebagai reka bentuk utama dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat daripada informan. Kaedah yang telah digunakan untuk mengumpul data kajian adalah kaedah temu bual dan pemerhatian. Pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur bagi mendapatkan maklumat daripada informan yang dipilih berdasarkan persampelan bertujuan. Temu bual ini merangkumi soalan terbuka yang akan ditanyakan kepada informan semasa sesi temu bual dijalankan. Pengkaji telah menyediakan sebanyak enam soalan untuk ditanyakan kepada informan sebagai panduan dan mengubahsuai soalan-soalan tersebut semasa sesi temu bual berlangsung. pengkaji telah menggunakan pendekatan kaedah persampelan bertujuan iaitu memilih enam orang informan sebagai subjek yang berasal dari Jitra, Kedah. Subjek telah dipilih berdasarkan ciri-ciri inklusif dan eksklusif. Faktor inklusif yang diperlukan adalah subjek berusia dalam lingkungan 20-an, penduduk asal dan menetap di Jitra, Kedah dan lelaki atau perempuan yang aktif menggunakan kata sapaan kekeluargaan dalam berkomunikasi dengan ahli keluarga dan bukan ahli keluarga. Informan yang mempunyai ciri-ciri eksklusif seperti cacat pendengaran, masalah pertuturan dan masalah kesihatan yang kronik akan disingkirkan daripada menjadi informan bagi kajian ini. Pengkaji telah melakukan pemerhatian tidak turut serta iaitu hanya mendengar perbualan yang berlaku antara masyarakat Jitra, Kedah untuk mendapatkan data kata sapaan kekeluargaan yang digunakan dalam perbualan tersebut. Kawasan ini telah menjadi tumpuan kerana masyarakat kawasan ini aktif dalam menggunakan kata sapaan kekeluargaan. Instrumen kajian yang telah digunakan untuk mengumpul data adalah rakaman audio.

Bagi mendapatkan data, pengkaji telah menetapkan tujuh prosedur untuk menjalankan kajian ini dari tahap awal sehingga akhir kajian. Sebelum memulakan kajian, pengkaji telah meminta izin informan yang telah memenuhi ciri inklusif untuk ditemubual bagi mendapatkan data secara lisan dan telah memilih lokasi kajian iaitu Jitra, Kedah untuk menjalankan pemerhatian tidak turut serta bagi mendapatkan perbualan harian dan mendapatkan kata sapaan kekeluargaan yang digunakan dalam kalangan mereka. Perbualan dari pemerhatian dan data secara lisan yang didapati daripada informan telah dirakamkan oleh pengkaji menggunakan alat rakaman audio. Setelah mendapatkan data-data yang dikehendaki, pengkaji telah mula menganalisis data tersebut dengan mentranskripsikan data tersebut kepada bentuk transkripsi grafemik. Data tersebut telah dikenal pasti dan diklasifikasikan mengikut kaedah kategorisasi yang telah dikemukakan oleh Asmah Haji Omar (1993). Data yang telah dikenal pasti telah dianalisis menggunakan teori yang telah dipilih oleh pengkaji iaitu teori Ervin-Tripp (1986) untuk menjelaskan sebab kata sapaan kekeluargaan tertentu digunakan dalam konteks komunikasi.

Kaedah kategorisasi digunakan oleh pengkaji untuk mengenal pasti kata sapaan kekeluargaan yang telah digunakan secara meluas oleh masyarakat Jitra, Kedah. Menurut Asmah Haji Omar (1993), kata sapaan kekeluargaan terbahagi kepada dua jenis utama iaitu jenama kekeluargaan dan nama kekeluargaan asas. Jenama kekeluargaan merujuk pada kata sapaan yang digunakan bagi pertalian darah manakala nama kekeluargaan asas merujuk pada kata sapaan kekeluargaan yang telah mengalami peluasan iaitu digunakan bagi orang yang tiada pertalian darah bagi menunjukkan kemesraan. Data yang telah dikenalpasti menggunakan kaedah kategorisasi Asmah Haji Omar (1993) telah dianalisis menggunakan

teori Ervin-Tripp (1986) bagi mendapatkan faktor masyarakat Jitra, Kedah menggunakan sesuatu kata sapaan kekeluargaan terhadap ahli keluarga dan orang yang tidak mempunyai pertalian darah.



Rajah 1 Teori Ervin-Tripp (1986)

Teori Ervin-Tripp (1986) merupakan teori yang telah dipilih oleh pengkaji bagi menganalisis data secara lebih mendalam. Teori ini secara umumnya, merupakan suatu teori yang menerangkan sebab seseorang menggunakan sesuatu kata sapaan dalam komunikasi menggunakan peraturan sosial. Menurut teori ini, terdapat tiga peraturan sosial yang telah dikenal pasti iaitu Peraturan Alternasi (*Alternation Rules*), Peraturan Kejadian Bersama (*Co-Occurrence Rules*) dan Peraturan Perurutan (*Sequencing Rules*). Peraturan Alternasi merujuk kepada proses penutur memilih kata sapaan yang bersesuaian dengan ciri sosial pendengar dari aspek usia, pekerjaan dan jawatan disandang dalam masyarakat atau sebuah keluarga (Ervin-Tripp, 1986). Peraturan Kejadian Bersama merujuk pada keselarasan dalam memilih kata sapaan ketika berkomunikasi iaitu penutur mestilah memilih kata sapaan yang sesuai dengan konteks dan komponen bahasa lain seperti intonansi, kata ganti nama diri dan pemilihan bahasa mestilah selaras dengan kata sapaan yang telah digunakan pada awal komunikasi (Wardhaugh, 2010). Peraturan ini menegaskan penutur supaya tidak mencampuradukkan kata sapaan yang formal dan tidak formal pada satu masa yang sama. Peraturan Perurutan pula merupakan peraturan yang merujuk pada aturan dalam komunikasi atau lebih dikenali sebagai *turn-taking* antara penutur dan pendengar. Saville-Troike (2003) telah menjelaskan bahawa peraturan ini berfungsi sebagai permulaan, pengekalan dan penamatan dalam sesuatu proses komunikasi. Ketiga-tiga peraturan ini memainkan peranan yang penting dalam pemilihan kata sapaan yang bersesuaian oleh penutur kepada pendengar. Walau bagaimanapun, kajian ini memfokuskan kepada hanya satu peraturan sosial sahaja iaitu Peraturan Alternasi bagi mendapatkan sebab sesuatu kata sapaan kekeluargaan itu digunakan oleh masyarakat Jitra, Kedah.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan menunjukkan dapatan kajian yang telah diperolehi oleh pengkaji berdasarkan kaedah temu bual dan pemerhatian yang telah dijalankan di lokasi kajian. Dapatan kajian telah dikenal pasti dan disenaraikan mengikut kaedah kategorisasi yang telah dikemukakan oleh Asmah Haji Omar (1993) dan telah dianalisis menggunakan teori Ervin-Tripp (1986).

Objektif Kajian 1: Mengenal Pasti Penggunaan Kata Sapaan Kekeluargaan dalam Komunikasi Masyarakat Melayu di Jitra, Kedah

Kata sapaan kekeluargaan yang digunakan dalam masyarakat Jitra, Kedah adalah berdasarkan kepada faktor usia dan pangkat seseorang dalam hubungan kekeluargaan. Menurut Asmah Haji Omar (1993), kata sapaan kekeluargaan terbahagi kepada dua jenis utama iaitu nama kekeluargaan asas dan jenama kekeluargaan. Nama kekeluargaan asas merupakan jenis kata sapaan kekeluargaan yang boleh diperluaskan iaitu boleh digunakan untuk merujuk orang yang tidak mempunyai pertalian darah seperti orang sekampung, keluarga rakan dan sebagainya. Jenama kekeluargaan merupakan kata sapaan yang digunakan untuk merujuk seseorang yang mempunyai pertalian darah atau melalui hubungan perkahwinan.

Hasil dapatan telah menunjukkan bahawa kata sapaan kekeluargaan yang digunakan di Jitra, Kedah dan terdapat beberapa kata sapaan kekeluargaan yang telah diperluaskan penggunaannya. Berikut merupakan kata sapaan kekeluargaan yang telah digunakan oleh masyarakat Jitra, Kedah dalam komunikasi lisan mereka.

4.1 Jenis Kata Sapaan Kekeluargaan: Jenama Kekeluargaan

Berikut merupakan kata sapaan kekeluargaan digunakan bagi merujuk individu yang mempunyai pertalian darah.

Jadual 1 Jenis kata sapaan kekeluargaan yang digunakan dalam kalangan masyarakat Jitra, Kedah

KATA SAPAAN KEKELUARGAAN	MAKNA
Cek	Panggilan yang digunakan oleh orang muda apabila bercakap dengan orang lebih tua. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005)
Orang	Panggilan yang digunakan untuk merujuk diri sendiri. (Sumber: Informan 5)
Mak	Singkatan bagi emak. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005)
Bapa	Ayah. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005)
Abang	Saudara lelaki yang lebih tua daripada seseorang. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005)
Abang Long	Singkatan dari sulung yang merujuk anak pertama. (Asmah Haji Omar, 1993)
Abang Ngah	Singkatan dari tengah yang merujuk anak kedua. (Asmah Haji Omar, 1993)
Kakak	Saudara perempuan yang lebih tua. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005)
Kak Long	Singkatan dari sulung yang merujuk anak pertama. (Asmah Haji Omar, 1993)
Kak Ngah	Singkatan dari tengah yang merujuk anak kedua. (Asmah Haji Omar, 1993)
Kak Lang	Singkatan yang merujuk anak ketiga. (Asmah Haji Omar, 1993)
Adik	Saudara kandung lelaki atau perempuan yang lebih muda. (Kamus Dewan Edisi Keempat,

KATA SAPAAN KEKELUARGAAN	MAKNA
	2005)
Mak Cik	Ditujukan kepada orang perempuan yang sebaya dengan mak kandung. (Asmah Haji Omar, 1993)
Pak Cik	Ditujukan kepada orang lelaki yang sebaya dengan ayah kandung. (Asmah Haji Omar, 1993)
Pak Long	Panggilan kepada bapa saudara yang sulung. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005)
Mak Long	Mak saudara yang sulung. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005)
Mak Njang	Merujuk kepada mak saudara yang keempat. (Asmah Haji Omar, 1993)
Mak Ngah	Merujuk kepada mak saudara yang tengah. (Asmah Haji Omar, 1993)

Jadual 1 menunjukkan senarai kata sapaan kekeluargaan yang digunakan dalam komunikasi lisan dalam kalangan masyarakat Jitra, Kedah dalam aspek kekeluargaan. Kata-kata sapaan tersebut dapat dibahagikan kepada 3 jenis iaitu kata sapaan yang digunakan bagi merujuk diri sendiri, merujuk ahli keluarga terdekat dan saudara-mara. Dalam masyarakat Jitra, seseorang akan menggunakan kata sapaan *cek* atau *orang* bagi merujuk dirinya sendiri. Menurut informan lima, panggilan ini menandakan kemesraan antara penutur dan pendengar. Informan dua telah menegaskan bahawa panggilan ini digunakan oleh golongan muda ketika bercakap dengan golongan yang lebih tua sebagai tanda mesra dan tanda hormat. Gelaran *cek* merupakan singkatan daripada perkataan kecil yang menunjukkan bahawa penutur merupakan anak manja dalam keluarga (Asmah Haji Omar, 1993). Rajah 2 menunjukkan proses pemilihan kata sapaan *cek* dalam kalangan penutur di Jitra, Kedah. Rajah tersebut menjelaskan bahawa masyarakat di Jitra menggunakan kata sapaan *cek* apabila berkomunikasi dengan seseorang yang mempunyai hubungan sosial yang rapat dengannya.

Informan 5

“Bahasakan tu dia lagi mesra lah. Dia lagi orang kata lagi santai. Haa...dan menunjukkan hubungan tu lagi eratlah. Kita tak kan bahasakan diri ni cek dengan orang sembarangan. Maksudnya, ahli keluarga sahaja. Haa macam tu.”

Informan

“Maksudnya menunjukkan kita ni lagi muda la untuk bercakap dengan orang yang lebih tua. Selalunya saya guna cek.”

Seterusnya, bagi menyapa keluarga terdekat, masyarakat Jitra akan menggunakan gelaran yang sesuai dengan urutan kelahiran seseorang. Menurut informan empat, kata sapaan bagi ibu dan bapa di Jitra ialah mak dan abah. Menurut informan enam, bagi menyapa anak sulung, kata sapaan *abang long* atau *kak long* akan digunakan sebagai tanda menghormati mereka yang merupakan anak sulung dalam keluarga (Asmah Haji Omar, 1993). Kata sapaan *abang ngah* atau *kak ngah* digunakan bagi merujuk abang atau kakak yang kedua dari adik-beradik (Asmah Haji Omar, 1993) dan kata sapaan adik dikekalkan oleh kakak dan abang bagi merujuk adik-beradik yang lebih muda. Walau bagaimanapun, menurut informan

satu dan dua, gelaran **adik** ini juga akan turut digunakan oleh diri sendiri ketika bertutur dengan ibu bapa atau saudara-mara lain untuk merujuk diri sendiri.

Informan 4

*“Kalau dalam keluarga biasanya kalau saya dengan ibu bapa, biasa saya panggil **abah**. Kalau mak saya panggil **mak** la.*

Informan 6

*“Asalnya tak banyak berbeza pun sebab macam kak long atau sulung, kita panggil **kak long**, **abang long** semua tu, kalau macam kedua tu, kita akan panggil **abang ngah**. Kalau dalam keluarga saya akan panggil **abang ngah**. Kalau yang orang ketiga tu akan panggil **kak lang**.”*

Informan 1

*“Contoh la kalau aaa saya duduk dekat kampung kan, selalu gelarkan diri saya sembang dengan orang yang dekat-dekat sebut diri **cek**. Haa **cek**, **adik**.”*

Informan 2

*“Emm selalunya kalau dalam keluarga ni, aa contoh kalau macam saya sebagai anak aa dengan ibu bapa, kadang-kadang saya bahasakan diri sebagai **adik**, kadang-kadang **cek**.”*

Dalam konteks saudara-mara, masyarakat Jitra masih mengekalkan kata sapaan kekeluargaan yang autentik dan tidak mengubah panggilan tersebut kepada panggilan yang lebih moden. Menurut informan lima, kata sapaan yang digunakan adalah **makcik**, **pakcik** bagi merujuk orang yang lebih tua, **paklong** dan **maklong** bagi merujuk bapa dan ibu saudara sulung, **mak njang** bagi merujuk ibu saudara yang keempat dan **mak ngah** merujuk pada ibu saudara yang tengah (Asmah Haji Omar, 1993). Panggilan sedemikian ini bukan sahaja menunjukkan rasa hormat kepada seseorang tetapi juga memelihara budaya Melayu yang mementingkan adab dalam percakapan.

Informan 5

*“Kalau dalam konteks saudara-mara, ermm saya akan bahasakan orang yang lebih tua, bapa-bapa saudara saya, pak menakan, saya akan panggil sebagai **pakcik**, panggilan lah **pak long**, **pak ngah**, **pakcik**, **mak njang** semua tu.”*

4.2 Jenis Kata Sapaan Kekeluargaan: Nama Kekeluargaan Asas

Berikut merupakan kata sapaan kekeluargaan yang telah diperluaskan oleh masyarakat Jitra, Kedah.

Jadual 2 Kata Sapaan Kekeluargaan yang telah mengalami peluasan

KATA SAPAAN KEKELUARGAAN	MAKNA
Abang	Saudara lelaki yang lebih tua daripada seseorang. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005)
Kakak	Saudara perempuan yang lebih tua. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005)
Mak Cik	Ditujukan kepada orang perempuan yang sebaya dengan mak kandung. (Asmah Haji Omar, 1993)
Pak Cik	Ditujukan kepada orang lelaki yang sebaya dengan ayah kandung. (Asmah Haji Omar, 1993)
Mak Long	Mak saudara yang sulung. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005)
Pak Long	Panggilan kepada bapa saudara yang sulung. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005)

Jadual 2 menunjukkan kata sapaan kekeluargaan yang telah mengalami peluasan makna dalam kalangan masyarakat Jitra, Kedah. Antara kata sapaan yang telah mengalami peluasan ialah **abang, kakak, mak cik, pak cik, mak long dan pak long**. Kata sapaan sedemikian digunakan oleh masyarakat Jitra ketika berkomunikasi dengan seseorang yang tidak mempunyai pertalian darah. Hal ini membuktikan bahawa kata sapaan kekeluargaan telah diperluaskan bagi menunjukkan kemesraan dan mengiktirafkan kedudukan sosial seseorang dalam masyarakat (Asmah Haji Omar, 1993)

Informan dua telah menyatakan bahawa beliau akan menggunakan kata sapaan kekeluargaan seperti **pak cik, mak cik, abang** dan **kakak** ketika hendak membeli sesuatu di kedai bagi menunjukkan rasa hormat. Gelaran ini tidak digunakan sewenang-wenangnya tetapi perlulah digunakan bersesuaian dengan usia pendengar. Informan dua telah menjelaskan bahawa beliau akan menggunakan kata sapaan abang atau kakak kepada individu yang nampak muda dan mak cik serta pak cik kepada individu yang kelihatan tua. Kata sapaan kekeluargaan mak long dan pak long juga akan digunakan bagi merujuk individu yang tidak dikenali. Menurut informan lima, kata sapaan mak long dan pak long merupakan kata sapaan yang biasa digunakan ketika berkomunikasi dengan seseorang yang tidak dikenali. Menurut informan enam pula telah menyatakan bahawa gelaran ini menjadi kebiasaan kerana digunakan oleh ahli keluarga mereka. Sebagai contoh, seseorang individu yang telah biasa digelar sebagai Mak Njang oleh keluarganya akan digelar gelaran yang sama oleh orang luar yang tiada pertalian darah bagi menunjukkan kemesraan.

Informan 2

*“Ermm selalunya kalau pergi dekat kedai-kedai yang macam **pakcik makcik** ni selalunya memang saya gunakan **pakcik** atau **makcik** lah. Tapi kalau macam dekat kedai-kedai yang emm macam kita taktau yang contoh dia lelaki yang kita taktau dia sebaya dengan kita ataupun tak, saya gunakan panggilan untuk orang tu **abang** atau **kakak**.”*

Informan 5

“Diperluaskan? Hmm. **Maklong** hmm **paklong** lah biasanya. Sebab biasanya orang tua-tua yang kita tak mengenali sangat orang tu, sosok tu dia akan bahasakan diri dia sebagai **pak long**. Selain daripada **pakcik**. Aaa kalau di sini lah yang biasa digunakan pada saya. Macam contoh, kita duduk di satu tempat tiba-tiba ada seorang lelaki tua datang nak tanya kita jalan, sama ada dia **pakcik** atau **pak long**”.


Informan 6

“Saya akan panggil secara umumlah orang panggil **pakcik**, **mak cik** kan. Tapi kadang-kadang kalau kita dah kenal dia tu, kita akan panggil yang orang boleh panggil juga. Mungkin dia tu seorang **mak njang** dalam keluarga dia, jadi kita akan panggil dia pun **mak njang** juga. Macam kita gunakan bahasa yang kebanyakan orang panggil dekat dia.”

Objektif Kajian 2: Menganalisis Penggunaan Kata Sapaan Kekeluargaan dalam Kkomunikasi Masyarakat Melayu di Jitra, Kedah Berdasarkan Teori Sapaan (Ervin Tripp, 1986)

Pengkaji mengemukakan tiga peraturan yang dikemukakan oleh Ervin-Tripp iaitu Peraturan Alternasi, Peraturan Kemunculan Bersama dan juga Peraturan Perurutan. Namun, kajian ini hanya memilih Peraturan Alternasi untuk diaplikasikan dalam data kajian yang dipilih. Peraturan Alternasi iaitu cara menyapa seseorang berdasarkan faktor yang mempengaruhinya seperti jenis-jenis gelaran, usia dan keakraban hubungan. Kategori sosial yang menjadi implementasi dalam Teori Ervin-Tripp (1986) bagi peraturan Alternasi ini iaitu situasi yang ditandai dengan beberapa kategori iaitu status, pangkat, dewasa, generasi terdahulu dan lebih tua.

4.3 Kata Sapaan dalam Kalangan Keluarga



Rajah 2 Rajah pokok keputusan proses pemilihan kata sapaan *cek* dalam kalangan penutur di Jitra, Kedah

Kata sapaan yang digunakan dalam masyarakat Kedah pada masa kini menunjukkan bahawa penggunaan kata sapaan ini adalah berdasarkan rasa hormat, perbezaan atau jurang umur antara penutur

dan pendengar, dan hubungan sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana Informan 1 secara tidak langsung menyatakan bahawa penggunaan kata sapaan **cek** digunakan apabila bertutur dengan orang yang mempunyai hubungan sosial yang rapat dengannya. Hal ini dapat dibuktikan kerana kata sapaan **cek** merupakan golongan kata nama yang dapat didefinisikan sebagai saya, aku (bahasa sapaan yang digunakan oleh orang yang lebih muda kepada yang lebih tua) dalam suasana manja atau mesra (Pusat Rujukan Persuratan Melayu). Menurut Asmah Haji Omar (1993), kata sapaan **cek** merupakan singkatan perkataan dari perkataan *kecil*. Selain itu, penggunaan kata sapaan **cek** juga digunakan untuk menunjukkan keakraban hubungan antara penutur dengan pendengar apabila berkomunikasi. Komunikasi itu juga merupakan komunikasi yang tidak formal dan komunikasi ke arah situasi yang lebih santai (Informan 5, 2026). Hal ini dikatakan demikian kerana Informan lima berkata bahawa dia tidak akan menggunakan kata sapaan **cek** itu dengan orang yang tidak dikenali atau tidak rapat dengannya. Hal ini dapat dibuktikan dengan ujaran berikut,

Informan 1

“Contoh la kalau aaa saya duduk dekat kampung kan, selalu gelarkan diri saya sembang dengan orang yang dekat dekat sebut diri cek. Haa cek, adik”

Informan dua juga menyatakan bahawa beliau juga menggunakan kata sapaan cek atau adik ketika bergaul atau berkomunikasi dengan ahli keluarga seperti ibu bapa, kakak dan juga abang. Informan dua menggunakan kata sapaan **adik** yang dapat didefinisikan sebagai saudara kandung (laki-laki atau perempuan) yang lebih muda, bongsu **adik** yang termuda, kandung seibu sebapa anak kepada ibu dan bapa seseorang yang lebih muda daripadanya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Informan tiga juga ada menyatakan bahawa penggunaan kata sapaan **adik** juga menunjukkan hubungan keakraban dalam kalangan keluarga. Kata sapaan seperti **adik** dikatakan lebih mesra untuk digunakan dalam kalangan adik beradik berbanding dengan orang lain (Informan 3, 2026).

Informan 2

“Emm selalunya kalau dalam keluarga ni, aa contoh kalau macam saya sebagai anak aa dengan ibu bapa, kadang-kadang saya bahasakan diri sebagai adik, kadang-kadang cek. Tapi kalau dengan adik kakak, dengan abang kakak selalunya adik lah.”

Berdasarkan rakaman audio daripada pemerhatian tidak turut serta, didapati terdapat penggunaan kata sapaan **makcik** yang menggambarkan perbualan informan dengan ibu saudaranya. Hal ini dikatakan demikian kerana kata sapaan **mak cik** menurut Asmah merupakan kata sapaan kekeluargaan yang asas. Kata sapaan **mak cik** dan **pak cik** lazimnya ditemukan dalam wacana tidak rasmi kerana dalam bentuk rasmi penggunaan yang betul ialah ibu saudara dan bapa saudara (Pusat Rujukan Persuratan Melayu). Berdasarkan ujaran di bawah, dapat menunjukkan penggunaan kata sapaan **makcik**, **pakcik**, **maklong** dan **paklong** digunakan oleh masyarakat di Kedah dalam komunikasi harian mereka. Selain itu, informan lima juga menyatakan bahawa masyarakat di Kedah juga menggunakan kata sapaan seperti **maklong** dan **paklong**. Masyarakat di Kedah biasanya akan menggunakan kata sapaan seperti **pakcik**, **paklong**, **maklong**, dan **pak ngah** untuk berkomunikasi dalam konteks keluarga. Penggunaan kata sapaan tersebut digunakan kerana menunjukkan rasa hormat dan menunjukkan perbezaan umur antara penutur dan pendengar selaras dengan Peraturan Alternasi yang diperkenalkan oleh Ervin-Tripp (1986). Contohnya Informan lima menyatakan konteks tersebut ialah perbualan antara Informan 5 dengan orang yang lebih tua seperti bapa saudara dan ibu saudara.

Informan 2

*“Apa.. **mak cik** meja orang berarak depa hidang apa?”*

Selain itu, terdapat juga penggunaan kata sapaan *kami* memperlihatkan dua keadaan iaitu secara eksklusifnya digunakan untuk merujuk kepada penutur selaku orang pertama “aku” atau “saya” (Nurul Shahida Jamil & Maslida Yusof, 2015). Dalam dialek Kedah secara eksklusif menggunakan kata ganti nama diri *kami* iaitu sebagai rujukan “aku” dan berdasarkan ayat ujaran informan, rujukan *kami* merujuk kepada dua bentuk interpretasi makna, iaitu sebagai rujukan “aku” dan rujukan yang perlu ada unsur rujukan persekitaran fizikal (Nurul Shahida Jamil & Maslida Yusof, 2015). Ujaran ini merupakan ujaran yang dituturkan oleh ibu saudara kepada anak saudaranya. Situasi ini menunjukkan bahawa penggunaan kata sapaan *kami* itu digunakan sebagai rujukan kepada dirinya dan bukannya bermaksud jamak. Hal ini kerana jika interpretasi makna kami dirujuk secara semantik, maknanya adalah merujuk kepada ganti nama sekumpulan individu yang lebih daripada seorang. Sebaliknya, sekiranya interpretasi makna kami dirujuk secara pragmatik, unsur maknanya telah berubah seperti mana yang berlaku dalam dialek Kedah iaitu sebagai kata ganti nama diri pertama mufrad (Nurul Shahida Jamil *et al.*, 2016).

Informan 1

*“**Kami** tak makan dah la.. Nak makan apa dah **kami** ambil dah nasi”.*

Penggunaan kata sapaan *depa* juga dapat dilihat dalam analisis ini. Penggunaan kata sapaan *depa* ini menunjukkan persamaan dengan penggunaan kata ganti nama diri yang ketiga iaitu *mereka*. Hal ini dikatakan demikian kerana jika dinilai daripada sudut makna semantik bagi rujukan kata sapaan *depa*, boleh didefinisikan dengan rujukan ‘*mereka*’ iaitu merupakan rujukan orang dalam kategori kata ganti nama diri ke-3 yang membawa makna jamak (Nurul Shahida Jamil *et al.*, 2016).

Informan 1

*“Kambing la kena p ambil, hat lain ada dah atas meja **depa**. P ambil ja la, nak gaduh apa..”*

Kata sapaan *Long*, *Ngah*, *Lang* dan *Njang* juga merupakan kata sapaan yang digunakan oleh masyarakat Melayu di Jitra. Hal ini dikatakan demikian kerana panggilan atau kata sapaan tersebut digunakan mengikut hierarki atau pangkat mengikut turutan kelahiran. Sebagai contoh, menurut Asmah Haji Omar (1993) kata sapaan *Long* adalah untuk anak pertama dalam keluarga kerana merupakan singkatan bagi *sulung*, *Ngah* untuk anak kedua, *Lang* untuk anak ketiga dan *Njang* kebiasaannya untuk anak keempat. Hal ini bertepatan dengan Peraturan Alternasi yang diperkenalkan oleh Ervin-Tripp (1986) yang mengatakan bahawa pemilihan kata sapaan tersebut adalah berdasarkan turutan kelahiran dan pangkat mereka di dalam keluarga.

5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah membuktikan bahawa kata sapaan kekeluargaan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu di Jitra, Kedah digunakan secara aktif dan masih autentik sehingga kini. Gelaran kata sapaan kekeluargaan seperti *cek* oleh golongan muda dalam membahaskan diri mereka secara mesra

menunjukkan bahawa kata sapaan ini tidak terjejas dan akan dipelihara terus oleh masyarakat. Beberapa kata sapaan kekeluargaan telah mengalami peluasan penggunaan untuk menunjukkan kemesraan dan kehormatan kepada individu lain walaupun tidak mempunyai pertalian darah. Masyarakat Jitra, Kedah meluaskan kata sapaan kekeluargaan *maklong* dan *paklong* untuk membahaskan orang yang tiada pertalian darah. Pemilihan kata sapaan kekeluargaan ini tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya tetapi perlu menitikberatkan faktor usia, pangkat dalam keluarga dan hubungan serta tahap keakraban antara penutur dengan pendengar bagi memastikan kata sapaan tersebut merupakan kata yang bersesuaian dan menunjukkan kemesraan atau kehormatan. Kajian ini juga memperlihatkan ciri khas yang terdapat dalam kata sapaan kekeluargaan orang Kedah iaitu cek yang selalunya digunakan oleh anak paling muda sebagai panggilan mesra dan manja kepada ahli keluarga yang lain. Teori Ervin-Tripp (1986) yang telah diaplikasikan dalam kajian ini telah menunjukkan kerelevanan dalam menganalisis faktor dan peraturan kata sapaan kekeluargaan dipilih iaitu berdasarkan pada faktor usia dan pangkat yang disandang oleh seseorang dalam hierarki kekeluargaan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada enam informan yang telah meluangkan masa dan tenaga untuk berkongsi maklumat dan pendapat sepanjang proses temu bual dilangsungkan bagi mendapatkan data untuk kajian ini. Bagi memelihara etika penyelidikan, identiti enam informan ini tidak dapat didedahkan. Namun begitu, kerjasama yang telah diberikan oleh mereka telah menyebabkan kajian ini disiapkan dengan sempurna.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan dalam penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (1993). *Nahu Melayu mutakhir*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chaika, E. (1989). *Language: The social mirror (2nd ed.)*. Newbury House Publishers.
- Cruse, D. A. (2000). *Meaning in language: An introduction to semantics and pragmatics*. Oxford.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Pusat rujukan persuratan melayu*. <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Ervin-Tripp, S. M. (1986). *Sociolinguistic rules of address*. Cambridge University Press.
- Heryanto, A. (1988). *The use of kinship terms as of address: A Sociolinguistics study of a Javanese Community*. Monash University.
- Holmes, J. (2013). *An introduction to Sociolinguistics (4th ed.)*. Routledge.
- Hymes, D. (1972). *Models of the interaction of language and social life. Directions in Sociolinguistics: The ethnography of communication*. Holt, Rinehart and Winston.

- Joyson John, & Kartini Abd. Wahab. (2021) Kata sapaan dalam Bahasa Dusun Dialek Bundu. Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Melayu*, 15, 635–650
- Kamus Dewan* (Edisi keempat). (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leech, G. N. (1983). *Principles of pragmatics*. Longman.
- Marlyna Maros, Aslinda John, & Mohd Baharim Mydin. (2010). Pola sapaan pelajar lelaki dan perempuan di sebuah institusi pengajian tinggi: Satu kajian sosiopragmatik. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10(2), 77–96.
- Maslida Yusof, Karim Harun, Azlan Mis, Sharifah Raihan Syed Jaafar, & Rusmadi Baharuddin. (2024). Sapaan dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Melayu*, 23(1), 105–120.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab & Shamin Sharif, (2025). Vitaliti dialek Melayu Perlis dalam domain keluarga dan persahabatan. *Jurnal Linguistik*, 29(2), 102–119.
- Muhammad Suhaizi Suhaimi, Izznusratina Nur Khalis Mohd Yusof, & Eris Joshan Chew Ho Beng. (2024). Kata sapaan dalam kalangan masyarakat orang Asli suku kaum Semai: Kajian kes di Kuala Senta, Perak. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 14(2), 116–126.
- Nik Safiah Karim. (2012). *Kesantunan Berbahasa dalam Konteks Pekerjaan: Perspektif Penggunaan Kata Ganti Nama*. Dalam Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar, & Maslida Yusof. (Pnyt). Prinsip dan aplikasi kesantunan berbahasa. 131–147.
- Nurul Shahida Jamil, & Maslida Yusof. (2015). Analisis deiksis dialek Kedah. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 15(1), 163–187.
- Nurul Shahida Jamil, Maslida Yusof, & Karim Harun. (2016). Deiksis sosial dalam interaksi masyarakat Melayu Kedah. *Malaysia Journal of Society and Space*, 12(11), 44–61.
- Rogers, E. M. & Kincaid, D. L. (1981). *Communication networks: Toward a new paradigm for research*. The Free Press.
- Saville-Troike, M. (2003). *The Ethnography of communication: An introduction*. Oxford: Blackwell.
- Tannen, D. (1990). *You just don't understand: Women and men in conversation*. William Morrow University Press.
- Wardhaugh, R. (2010). *An introduction to Sociolinguistics*. Wiley-Blackwell.
- Yusmawati Yusoff, & Mohd Khaidir Abdul Wahab. (2021). Kata sapaan dan rujukan dalam kalangan masyarakat Banjar terpilih di Daerah Kerian Perak. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 6–22.